
SIARAN MEDIA

MyCC KENAKAN DENDA RM10.3 JUTA KE ATAS DAGANG NET

KUALA LUMPUR, 26 FEBRUARI 2021 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah membuat keputusan mengenakan denda berjumlah RM10.3 juta ke atas Dagang Net Technologies Sdn Bhd (Dagang Net) kerana telah menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui perjanjian secara eksklusif. Dagang Net, yang merupakan anak syarikat Dagang NeXchange Berhad, penyedia perkhidmatan yang tunggal dalam penyediaan perkhidmatan fasilitasi perdagangan atas talian bagi Sistem Maklumat Kastam di bawah *National Single Window* (NSW). NSW merupakan sebuah ekosistem berasaskan elektronik yang membolehkan dokumen dan transaksi yang berkaitan dengan urusan perkastaman dipindahkan secara elektronik antara komuniti perdagangan dan pihak pengawal selia di Malaysia melalui titik masuk tunggal.

Setelah menjalankan siasatan menyeluruh dan melalui proses yang sewajarnya, MyCC memutuskan bahawa Dagang Net telah melanggar Seksyen 10(1) Akta Persaingan 2010 setelah didapati mengenakan kluasa eksklusif dalam urusan niaga tersebut dengan pembekal perisian NSW dari Oktober 2015 hingga November 2017. Perlakuan antipersaingan Dagang Net telah mengganggu persaingan dalam pasaran kerana menghalang perusahaan yang lain daripada menyediakan perkhidmatan yang serupa kepada pengguna akhir (dalam hal ini - pengilang, pengimport, pengeksport, *freight forwarders* dan ejen perkapalan) dalam sistem uCustoms yang sedang dibangunkan. MyCC telah memutuskan bahawa pengenaan klausa eksklusif merupakan penyalahgunaan kedudukan dominan Dagang Net di pasaran yang relevan, lantas mengganggu atau menyekat persaingan di kalangan pesaing-pesaingnya untuk memasuki pasaran uCustoms.

Pengerusi MyCC, Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus menyatakan bahawa pemberian konsesi adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan. Walaupun perkara ini boleh mengakibatkan kewujudan monopoli secara langsung atau tidak langsung, MyCC tidak akan sesekali bertoleransi sekiranya monopoli tersebut menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui perlakuan antipersaingan. Beliau juga memberi amaran bahawa tindakan tegas akan dikenakan oleh MyCC terhadap mana-mana monopoli yang mensabotaj ekonomi Malaysia.

"Keputusan MyCC adalah sejajar dengan objektifnya untuk melindungi proses persaingan yang mana ia akan menurunkan kos transaksi perniagaan perusahaan yang terlibat dalam perdagangan global. Dengan melindungi persaingan, pengguna dan perniagaan akan mendapat manfaat daripada peningkatan kecekapan, inovasi dan keusahawanan," kata beliau.

MyCC mengenakan denda sebanyak RM10,302,475.98 terhadap Dagang Net setelah mempertimbangkan representasi lisan dan secara bertulis serta impak situasi ekonomi semasa dan faktor peringanan dan pemberatan. Dalam keputusan tersebut, MyCC juga mengarahkan Dagang Net untuk menghentikan penglibatannya dalam perjanjian eksklusif pada masa hadapan yang boleh menghalang persaingan dalam penyediaan perkhidmatan fasilitasi perdagangan. MyCC juga mengarahkan agar pengarah-pengarah dan pihak pengurusan Dagang Net untuk mengikuti latihan pematuhan undang-undang persaingan atas kos mereka sendiri.

Keputusan bagi kes ini akan dipaparkan untuk tatapan umum melalui laman web www.mycc.gov.my.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Azila Ahmad, Tel +603 2273 2277 (sambungan 111),

Emel: azila@mycc.gov.my

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Mengenai MyCC

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk mengalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.